



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MUSTAPHA KAMAL BIN MOHD DAUD
PELAKON**

OLEH:

**NUR FATEIN NABILLA KAMAL 2012790465
NAJIHAH ADIBAH MOHD SHARIF 2012790287**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
MUSTAPHA KAMAL BIN MOHD DAUD
PELAKON

OLEH:

NUR FATEIN NABILLA KAMAL	2012790465
NAJIHAH ADIBAH MOHD SHARIF	2012790287

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum wbt...

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kami menyiapkan tugas ini dalam masa yang ditetapkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terkira kepada Puan Nor Kamariah Bt Chik iaitu pensyarah subjek *Documenting Oral History (IMR604)* dimana beliau telah banyak memberi tunjuk ajar serta panduan kepada kami dalam menyiapkan tugas yang diberi ini. Tidak dilupakan juga kami mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang juga turut membantu dan membimbing kami dalam usaha menyiapkan tugas pendokumentasian lisan ini.

Sejujurnya, ini merupakan pengalaman pertama kami dimana tugas ini memberikan satu pendedahan yang sangat berguna kepada kami dalam mengendalikan temubual secara langsung bersama tokoh yang kami pilih iaitu Encik Mustapha Kamal Bin Mohd Daud. Kerjasama yang diberikan oleh beliau sangat membantu bagi melancarkan lagi proses temubual yang kami kendalikan meskipun ianya sesuatu yang sangat baru buat kami. Jadi, jutaan terima kasih kami ucapkan kepada Encik Mustapha Kamal Bin Mohd Daud yang sudi meluangkan masa dan memberikan kerjasama yang padu untuk kami menyiapkan tugas ini. Kesudian beliau untuk berkongsi pengalaman hidup dalam bidang seni lakonan ini dimana ianya merupakan ilmu yang tidak ternilai harganya. Terima kasih sekali lagi kami ucapkan kepada Encik Mustapha Kamal Bin Mohd Daud atas kesudian beliau untuk ditemubual oleh kami.

Sekali lagi, ribuan terima kasih kami ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam usaha kami menyiapkan tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Transkrip ini mengandungi temubual bersama En. Mustapha Kamal bin Daud atau lebih dikenali sebagai Mustapha Kamal. Beliau sangat terkenal dalam bidang seni lakonan. Transkrip temubual ini dijalankan di rumah beliau sendiri di Taman Bukit Indah, Ampang, Kuala Lumpur. Transkrip temubual ini juga bermula pada jam 12:30 tengah hari pada 10 April 2014. Beliau merupakan salah seorang penggiat seni tanah air yang terkenal di Malaysia. Beliau telah menceburi dalam bidang lakonan sejak umur beliau belasan tahun hinggalah ke hari ini. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman beliau sepanjang penglibatan dalam bidang seni. Temubual ini menumpukan tentang pengalaman beliau sepanjang menjadi anak seni.*

Kata Kunci: *Mustapha Kamal, seni, pelakon, filem, drama*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Abstrak	ii
Isi Kandungan	iii
Biodata Tokoh	iv
Pengenalan	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	01
Bahagian 2: Pendidikan Tokoh	08
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh	11
Bahagian 4: Pencapaian	31
Rujukan	42
Lampiran	
Log Wawancara	43
Senarai soalan	47
Indeks	52
Surat Perjanjian	
Gambar	

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



- Nama** : **Mustapha Kamal Bin Mohd Daud**
- Umur** : **53 tahun**
- Tarikh Lahir** : **1 Januari 1961**
- Tempat Asal** : **Kampung Chempaka, Kota Bharu, Kelantan**
- Status** : **Berkahwin**
- Kerjaya** : **Peniaga, Pelakon**
- Bilangan adik-beradik** : **Tujuh orang (Tunggal lelaki)**
- Pendidikan** : **Sultan Ismail Primary School**
Maktab Sultan Ismail, Sultan Ismail College
- Isteri** : **Susan Margaret Manen/Sarah Manen Ibrahim**
- Nama anak** : **Darul Amir Hazim Mustapha Kamal**
Darul Alif Hafiz Mustapha Kamal
Darul Azam Hariz Mustapha Kamal
Dayang Aimi Mustapha Kamal
Ayuni Mustapha Kamal
Ayuna Mustapha Kamal
Sabella Qawieyma Mustapha Kamal
Aulia Qayyiem
Salsabil Qurrani
Naqli Qaddiem
- Anugerah/Pencapaian** : **Anugerah Pelakon Pembantu Lelaki Popular**
Anugerah Pelakon Filem Pembantu Popular

PENGENALAN

PENGENALAN

Tugasan ini dijalankan di bawah kursus IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami pelajar dari UiTM Machang, Kelantan dari Fakulti Pengurusan Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan bersama tokoh yang telah dipilih. Bagi memenuhi kriteria projek pendokumentasian ini, tokoh pilihan tersebut haruslah lebih kurang 50 tahun dan ke atas serta mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya. Kami terdiri daripada dua orang ahli kumpulan iaitu Najihah Adibah Mohd Sharif dan Nur Fatein Nabilla Kamal telah memilih En.Mustapha Kamal bin Daud atau lebih dikenal sebagai Mustapha Kamal sebagai tokoh untuk projek pendokumentasian lisan.

En.Mustapha Kamal merupakan anak seni yang telah banyak berlakon dalam seni perfileman di Negara Malaysia. Beliau mula bergiat dalam bidang seni lakonan sejak umur belasan tahun lagi. Sejak dari itulah, beliau mula belajar sedikit demi sedikit ilmu lakonan untuk menjadi seperti wira lakonan. Ini kerana, beliau bukanlah datang dari keluarga yang senang, oleh itu, beliau telah bekerja keras dalam bidang seni lakonan untuk memperoleh kehidupan yang stabil serta dapat menaikkan nama beliau dalam bidang lakonan.

Sesi wawancara bersama En.Mustapha Kamal telah diadakan di rumah kediamannya sendiri di Taman Bukit Indah, Ampang, Kuala Lumpur. Sesi wawancara ini telah dilakukan semasa cuti pertengahan semester bersamaan 10 April 2014 tepat jam 12:30 tengah hari dan sesi wawancara ini berlangsung selama kira-kira sejam setengah.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang temuramah bersama Encik Mustapha Kamal Bin Mohd Daud, iaitu beliau merupakan salah seorang pelakon yang amat dikenali dalam Malaysia. Beliau menceritakan mengenai pembabitan beliau dalam bidang lakonan selama lebih daripada *dua puluh* [20] tahun. Sesi temuramah ini diadakan pada *sepuluh hari bulan April dua ribu empat belas* [10.4.2014], bermula pada jam *dua belas tiga puluh enam tengahari* [12.36ptg] sehingga hampir pukul *dua setengah petang* [2.30ptg]. Sesi temuramah ini berlansung di rumah beliau iaitu di Taman Bukit Indah, Ampang, Kuala Lumpur. Temuramah ini dijalankan oleh *dua* [2] orang pelajar semester *lima* [5] Fakulti Pengurusan Sistem Maklumat, Universiti Teknologi MARA cawangan Kota Bharu, dikendalikan oleh saudari Nur Fatein Nabilla Kamal dan juga dibantu oleh saudari Najihah Adibah Mohd Sharif. Berikut adalah merupakan hasil rakaman temuramah tersebut.

Petunjuk:

MK: Mustapha Kamal Daud
NA: Najihah Adibah
FN: Fatein Nabilla

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

NA : Pertama sekali kami *nak* [hendak] tahu lah mengenai- - -. *Ok* [baiklah] nama saya Najihah kawan saya *ni* [ini] Fatein. *Ok* [baiklah] saya *nak* [hendak] mengenali lebih dalam mengenai Encik Mustapha *lah* [tabiat] *kan* [tabiat]. Lepas itu boleh *tak* [tidak] *Uncle* [pakcik] ceritakan latar belakang?

MK : *Ok* [baiklah], nama penuh *Uncle* [pakcik], Mustapha Kamal Bin Mohd Daud,

dilahirkan di Kampung Chempaka Kota Bharu Kelantan pada tahun *sembilan belas enam puluh satu* [1961]. *Dah* [sudah] *lima puluh tiga* [53] tahun umur sekarang *ni* [ini] ye- *dah* [sudah] tua *dah* [sudah] (ketawa). Dalam apa *ni* [ini] adik-beradik ada *tujuh* [7], *Uncle* [pakcik] yang *kelima* [5] dan yang lain semua perempuan, *Uncle* [pakcik] *sorang* [seorang] laki-laki. Nombor *satu* [1], nombor *dua* [2], nombor *tiga* [3], nombor *empat* [4] perempuan, nombor *lima* [5] *Uncle* [pakcik], nombor *enam* [6] *tujuh* [7] perempuan juga. Wahhh, jadi anak kesayangan la *ni* [ini], kononnya *lah-* [tabiat]

NA : Boleh *tak* [tidak] *Uncle* [pakcik] beritahu nama samaran *Uncle* [pakcik]?

MK : Nama samaran tiada, *Uncle* [pakcik] menggunakan nama Mustapha Kamal saja, Mustapha Kamal nama Mus orang panggil *tu* [itu] biasa. Emak bapa kita *dah* [sudah] bagi nama *tu* [itu] *dah* [sudah] kira yang terbaik untuk kita. Buat apa kita *nak* [hendak] tukar-tukar *nak* [hendak] bagi samaran apa laginya *kan* [tabiat].

NA : Macam adik-beradik *Uncle* [pakcik] pun panggil nama *Uncle* [pakcik] ke tiada abang ngah ke abang long ke macam mana?

MK : Tiada, tiada panggil nama. Kita dalam adik-beradik semua panggil nama.

NA : Boleh *tak* [tidak] *Uncle* [pakcik] ceritakan apa nama bapa *Uncle* [pakcik], isteri *Uncle* [pakcik], mak *Uncle* [pakcik]?

MK : Bapa saya *dah* [sudah] arwah, dan ibu saya pun *dah* [sudah] arwah, mak saya

apa *ni* [ini] ibu saya nama dia Khadijah Binti Hammat (mengeja). Arwah ayah saya Mohd Daud Bin Awang. Isteri saya mana hilang *dah* [sudah] tadi ada dekat sini (ketawa) dia dekat atas. Susan Margaret Manen nama dia, kalau nama islam dia Sarah Manen Binti Ibrahim, M.A.N.E.N bukan- - - (mengeja) bukan Menon, Menon dia lain Manen dia lain bangsa-bangsa dia lain. Anak, kalau kira anak semua *dah* [sudah] *sepuluh* [10] Wahh, banyak rezeki yang tuhan bagi (ketawa). Alhamdulillah itu amanah- apa lagi?

NA : Lepas *tu* [itu] bila tarikh perkahwinan *Uncle* [pakcik] dengan isteri *Uncle* [pakcik]?

MK : Tarikh perkahwinan- alamak, biasanya kita (ketawa). Suami dengan isteri *ni* [ini] biasanya yang selalu ingat akan tarikh lahir anak, tarikh perkahwinan, tarikh apa *ni* [ini] apa semua itu perempuan, itu si isteri, lelaki memang kalau tanya “Eh anak (ketawa), anak kau *tak* [tidak] apa *ni* [ini] hari jadi berapa hari bulan dia *tak* [tidak] ingat. Seingat *Uncle* [pakcik] tujuh belas hari bulan tujuh tahun sembilan belas- - - *sembilan puluh tujuh* [97] ke begitu (ketawa) *takpe* [tidak apa] *lah* [tabiat] itu *nak* [hendak] kena tanya isteri (ketawa).

NA : Apa pekerjaan isteri *Uncle* [pakcik]?

MK : Isteri saya dia suri rumah sepenuh masa dan ada juga *lah* [tabiat] dia buat berlakon jadi sikit-sikit *lah* [tabiat] berlakon dalam *tv* [televisyen]. Kadang-kadang *tv* [televisyen] *station* [stesen] *ni* [ini] dia panggil dia sendiri yang minta untuk Susan untuk berlakon dan Susan ada buat banyak iklan, dia ada buat iklan

dengan anak-anak selain daripada menjadi suri rumah *lah* [tabiat] sepenuh masa- Kalau nak lebih lanjut kena *interview* [temuduga] dia *lah* [tabiat] (ketawa).

NA : (ketawa) *Ok* [baiklah] macam mana *Uncle* [pakcik] berkenalan dengan isteri *Uncle* [pakcik]?

MK : Berkenalan- *ni* [ini] *nak* [hendak] kira *nak* [hendak] kena korek rahsia semua *ni* [ini] ya. Kenal masa mula-mula saya kenal dia saya tengok *tv* [televisyen], saya tengok dekat majalah, saya tengok dekat surat khabar- dia memenangi apa Ratu Malaysia pada tahun- - - itupun *tak* [tidak] ingat pada tahun berapa dia memenangi Ratu Malaysia dan jadi *Miss Malaysia World* [Ratu Cantik Malaysia], masa *tu* [itu] mula mengenali dia, masa *tu* [itu] tengok dia alamak (terpegun) cantiknya dia *ni* [ini] (ketawa). Ya *lah* [tabiat] Ratu Cantik *kan* [tabiat], cantiknya dia *ni* [ini] Ya Allah lawanya- Masa *tu* [itu] dia masih *berugama-* [beragama] Kristian *lah_* [tabiat] masih *berugama* [beragama] Kristian lagi. Itu *lah* [tabiat] mula-mula kenal dia dan tiba-tiba ditawarkan untuk berlakon bersama. *Uncle* [pakcik] *ni* [ini] jadi *hero* [watak utama lelaki] dan dia jadi *heroin* [watak utama wanita] nya. Di situ *lah* [tabiat] permulaan itu *lah* [tabiat] kita saling rapat, kenal-mengenal di antara satu sama lain- membawa kepada- perkahwinan dan seterusnya *lah-* [tabiat].

NA : Isteri *Uncle* [pakcik] berasal daripada mana?

MK : Susan Manen *ni* [ini] ataupun Sarah- Manen Binti Ibrahim *ni* [ini] dia- berasal

dari Kuala Lumpur dan dia ada darah kacukan yang sangat banyak dalam diri dia- sangat banyak. Mengikut apa *ni* [ini] adik dia yang membuat carian dalam apa *ni* [ini] *geneology* [genetik] itu orang putih kata *lah* [tabiat] *geneology* [genetik] apa *ni*- [ini] apa dia panggil- *family tree* [pokok keluarga] Melayu apa dia panggil- ya *lah* [tabiat] *family tree* [pokok keluarga] dan dia ada dalam setakat yang dia tahu ada *lima belas* [15] darah dalam diri dia dan Melayu sendiri pun ada juga. Campur-campur tapi yang kalau biasanya kalau orang tanya dia akan kata dan *Uncle* [pakcik] sendiri akan kata dia ada darah English dengan Portugis dalam diri dia, datuk dia, apa *ni* [ini] Portugis dengan English-

NA : **Ok [baiklah], berapa bilangan anak lelaki *Uncle* [pakcik], anak perempuan *Uncle* [pakcik]?**

MK : Bilangan anak, dengan Susan ada dua-dua, lelaki *dua* [2] perempuan *dua* [2]. Nombor *satu* [1] perempuan, nombor *dua* [2] lelaki, nombor *tiga* [3] perempuan, nombor *empat* [4] lelaki. Dia *dah* [sudah] pasangan *dah* [sudah] *pairing* [pasangan] *dah* [sudah]. Perempuan yang pertama nama Sabella, Sabella Qawiema, nombor *dua* [2] lelaki Aulia Qayyiem, nombor *tiga* [3] perempuan Salsabil Qurrani, nombor *empat* [4] lelaki Naqli Qaddiem.

NA : **Bukan tadi *Uncle* [pakcik] cakap *sepuluh* [10] *kan* [tabiat] bilangan anak *Uncle* [pakcik]?**

MK : Anaknyanya *sepuluh* [10] tapi yang *empat* [4] *tu* [itu] dengan Sarah *ni* [ini] *lah* [tabiat], dengan Susan *ni* [ini]. Nombor *sepuluh* [10] *tu* [itu] dengan isteri yang

sebelum *ni* [ini] *lah-* [tabiat]. Yang apa *ni-* [ini] sulung umur dia *dah* [sudah] *tiga puluh tiga* [33] tahun *dah* [sudah]. *Uncle* [pakcik] kahwin umur *sembilan belas* [19] tahun. Masa *tu* [itu] belum pelakon lagi belum apa lagi *dah* [sudah] kerja meniaga sendiri masa *tu* [itu] duduk di kampung di Kelantan *dah-* [sudah] dapat anak *dua* [2] orang *dah* [sudah] masa *tu* [itu], *tiga* [3] orang masa *tu-* [itu] sebelum menceburkan diri dalam bidang seni lakon ini.

NA : Apakah pekerjaan anak-anak *Uncle* [pakcik]?

MK : Anak yang sulung, yang pertama lelaki *dah* [sudah] kahwin dan *dah* [sudah] ada anak *dua* [2]. Kerja dia- ejen insuran. Nama dia Darul Amir Hazim, dia tinggal di Kampung Pandan Perdana. Yang kedua Darul Alif Hafiz, dia kerja dia bancuh bahan, bahan-bahan *chemical* [kimia] *ni* [ini] dengan *chemical* [kimia] untuk- bersihkan komponen kapal terbang- (bunyi jam berdetik). Itu Darul Alif Hafiz. Yang *ketiga-* [3] Azam Hariz, Darul Azam Hariz- dia- kerja sendiri, *tak* [tidak] menentu, dia buat kerja dia sendiri. Yang ke *empat* [4] Aimi, perempuan, Dayang Aimi, dia kerja di bank- Public Bank. Yang *kelima* [5] *dah* [sudah] di simpan- dia meninggal dunia. Yang *keenam* [6] pun *dah* [sudah] kahwin- Ayuni. Yang *ketujuh* [7], *lapan* [8], *sembilan* [9], *sepuluh* [10], itu *lah* [tabiat] anak dengan Susan.

NA : Adakah *Uncle* [pakcik] mempunyai cucu? Berapa ramai *lah* [tabiat] cucu lelaki dengan cucu perempuan?

MK : Amboi, tua *lah* [tabiat] *Uncle* [pakcik] *ni* [ini]. *Uncle* [pakcik] *dah* [sudah] ada

dua [2] orang cucu, dua-dua perempuan dan sekarang *ni* [ini] katanya *dah* [sudah] ada dalam (ketawa) perut anak-anak. Anak dan menantu ada *dua* [2] orang lagi, Insya Allah *tak* [tidak] lama lagi- kata *tiga* [3] bulan lagi akan dapat *dua* [2] orang cucu lagi- Alhamdulillah- rezeki tuhan bagi-

NA : Adakah *Uncle* [pakcik] mempunyai kacukan daripada, daripada mana-mana keturunan?

MK : *Uncle* [pakcik] sendiri *ni*- [ini] *Uncle* [pakcik] pun *tak* [tidak] pasti tapi ada *Uncle* [pakcik] dengar- ada darah- Siam kalau *tak* [tidak] darah Siam darah Belanda tapi *tu* [itu] *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] pasti. Tapi yang selalu *Uncle* [pakcik] bagi tahu kalau ada *interview* [temuramah], *Uncle* [pakcik] akan bagi tahu *Uncle* [pakcik] ada- *Uncle* [pakcik] berdarah Melayu, tulen, *Uncle* [pakcik] lebih suka Melayu.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2 : PENDIDIKAN TOKOH

NA : *Ok-* [baiklah] sekarang kita masuk dekat pendidikan *kan* [tabiat]? Apakah peringkat pendidikan *Uncle* [pakcik]?

MK : *Uncle* [pakcik] sekolah *tak* [tidak] tinggi sampai darjah *tiga* [3] *saja* [sahaja] (ketawa) percaya? (ketawa) *Uncle-* [pakcik] di- apa *ni* [ini] di_ Kelantan *Uncle* [pakcik] sekolah sampai- di apa *ni* [ini] *MCE* [Malaysian Certificate of Education] di Maktab Sultan Ismail, *Sultan Ismail College* [Kolej Sultan Ismail] di Kota Bharu, Kelantan. Lepas *tu* [itu] *Uncle* [pakcik] terus bekerja sendiri (bunyi haiwan peliharaan) *dah* [sudah] *tak* [tak] minat *nak* [hendak] sekolah terus bekerja sendiri dengan meniaga dengan macam-macam *lah* [tabiat] sampai ke hari *ni* [ini] *tak* [tidak] pernah kerja kerajaan.

NA : Di manakah (bunyi haiwan peliharaan) tempat pendidikan pertama *Uncle* [pakcik]?

MK : Pendidikan *pertama* [1] di- sekolah- *Sultan Ismail Primary School* [Sekolah Rendah Sultan Ismail]. Masa *tu* [itu] sekolah orang putih lagi- *Uncle* [pakcik] apa pun, apa *ni* [ini] Matematik pun dalam bahasa Inggeris, semua dalam bahasa Inggeris_ *Uncle* [pakcik] tahun yang terakhir, masa *tu* [itu] Sultan Ismail Primary School 1 [Sekolah Rendah Sultan Ismail] (mengeja). Masa *tu* [itu] sekolah *tu* [itu] sekolah memang yang terbaik di Kelantan *lah* [tabiat], sekolah anak-anak raja, anak doktor, anak-anak yang orang-orang yang *VIP* [orang penting] *lah* [tabiat] kononnya kata *lah* [tabiat] masa *tu* [itu] (ketawa).

- NA : **(ketawa) Di manakah tempat pendidikan terakhir- *Uncle* [pakcik]?**
- MK : Pendidikan terakhir di- di kolej di apa *ni* [ini] *Sultan Ismail College* [Kolej Sultan Ismail], *SIC* [Sultan Ismail College] di Kota Bharu, Kelantan dan kolej itu yang ramai sekarang yang berasal dari kolej itu jadi antara pemimpin-pemimpin kita.
- NA : ***Ok* [baiklah], bagaimana pula dengan pendidikan isteri *Uncle* [pakcik]?**
- MK : Pendidikan isteri itu kena tanya dia. Itu kena tanya dia sendiri mungkin lebih *detail* [terperinci] *lah* [tabiat].
- NA : ***Ok* [baiklah], *takpelah* [tidak apa] kalau macam *tu* [itu], apakah peringkat pendidikan anak-anak *Uncle* [pakcik]?**
- MK : Peringkat pendidikan anak-anak *Uncle* [pakcik]? Itu pun *Uncle* [pakcik] payah *nak* [hendak] cakap *tu* [itu]. Tapi sampai sekarang *ni* [ini] mereka hidup dengan cara mereka dengan mereka boleh- senang dengan cara mereka. *Uncle* [pakcik] *nak* [hendak] jawab macam mana *ni* [ini]?
- NA : **Maksudnya macam anak *Uncle* [pakcik] dengan Puan Susan *ni* [ini] semua sekolah rendah lagi ke *dah* [sudah] ada sekolah menengah?**
- MK : (bunyi haiwan peliharaan) Masa dengan isteri saya Susan, anak-anak, masih dengan saya, ada yang masih bersekolah rendah dan sekolah menengah pada masa *tu* [itu] dan di mendapat didikan daripada sekolah- Mula-mula di_ Brickfield lepas *tu* [itu] (bunyi haiwan peliharaan) ke Sekolah Taman Kosas *lah*

[tabiat], Sekolah Menengah Taman Kosas di situ *lah* [tabiat].

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH

NA : *Ok* [baiklah], sekarang kita *dah* [sudah] masuk kerjaya, sudah berapa lamakah *Uncle* [pakcik] terlibat dalam bidang seni lakonan?

MK : Kalau *tak* [tidak] silap *Uncle* [pakcik], *Uncle-* [pakcik] dalam bidang lakonan *ni* [ini] *Uncle-* [pakcik] *dah-* [sudah] *dua puluh sembilan* [29] tahun. Mungkin agak lama *lah* [tabiat] tapi kalau *nak* [hendak] kira, *nak* [hendak] lawan dengan Dato' Aziz Saatar *tu* [itu] dia lagi lama *lah* [tabiat] (ketawa).

NA : *Ok* [baiklah] (ketawa). Adakah bidang lakonan merupakan bidang pertama *Uncle* [pakcik] bermula?

MK : Kira kerjaya *lah-* [tabiat] (ketawa). Bidang pertama *Uncle* [pakcik] ialah niaga, perniagaan sebelum menjadi pelakon *Uncle* [pakcik] meniaga dulu lepas sekolah dulu. *Uncle* [pakcik] terus meniaga- masa *tu* [itu] *Uncle-* [pakcik] meniaga batik. Kain-kain batik di Kota Bharu Kelantan di pasar, *Uncle* [pakcik] ada gerai batik dan *Uncle* [pakcik] berniaga sampai *Uncle* [pakcik] boleh buka kilang batik di Kelantan pada masa *tu* [itu] *lah* [tabiat]. Lepas *tu* [itu] macam-macam (bunyi haiwan peliharaan) perniagaan yang *Uncle* [pakcik] buat hinggalah- *Uncle* [pakcik] mendapat tawaran sebagai pelakon.

NA : Perniagaan *Uncle* [pakcik] dekat batik *tu* [itu] dekat Kelantan *tu* [itu] masih ada lagi ke *tak* [tidak] sekarang *ni* [ini]?

MK : *Dah* [sudah] *takde* [tiada] *dah-* [sudah] berapa tahun, lama sangat *dah-* [sudah]

Uncle [pakcik] *dah* [sudah] tutup *dah* [sudah] (ketawa) tutup buku, tutup kedai *dah* [sudah] (bunyi haiwan peliharaan).

NA : ***Ok* [baiklah], daripada selidikan yang kami buat, *Uncle* [pakcik] bermula dari bidang lakonan salah satunya filem “Mangsa” pada tahun *sembilan belas lapan puluh satu* [1981], jadi bagaimanakah *Uncle* [pakcik] mula terjebak dalam bidang ini?**

MK : Filem Mangsa? *Tu* [itu] *tak* [tidak] betul *tu-* [itu] *tu* [itu] dalam internet *tu* [itu] *tak* [tidak] betul *tu* [itu], *Uncle* [pakcik] ada tengok- tapi bukan filem “Mangsa”. Filem pertama *Uncle* [pakcik], filem bertajuk- “Akademi Seni” dan tajuk dia di tukar kepada “Dendang Remaja”, itu filem pertama *Uncle* [pakcik]. Kalau *nak* [hendak] cerita *lah* [tabiat], pada suatu hari *Uncle* [pakcik] di apa *ni* [ini] ditawarkan untuk mencuba, untuk mencuba dalam bidang lakonan apa kalau *Uncle* [pakcik] *nak* [hendak] *lah* [tabiat] dia kata “Awak *ni-* [ini] *nak* [hendak] berlakon ke, *nak* [hendak] menyanyi ke, *nak* [hendak] jadi model ke, *nak* [hendak] apa ke”. Itu masa *Uncle* [pakcik] datang di Kuala Lumpur, *Uncle* [pakcik] datang ke Kuala Lumpur untuk ziarah kakak *Uncle* [pakcik] di Kuala Lumpur. *Uncle* [pakcik] keluar dengan kawan-kawan minum di ada gerai-gerai di masa *tu* [itu], sekarang *ni* [ini] gerai-gerai *tu* [itu] *dah* [sudah] *takde* [tiada] *dah* [sudah] dan disitu *lah* [tabiat] jumpa dengan pengarah dan penulis skrip apa semua. *Uncle* [pakcik] sendiri pun *tak* [tidak] tahu kenapa dia berminat dengan *Uncle* [pakcik] dan masa *tu* [itu] *lah* [tabiat] dia bagi tawaran. *Uncle* [pakcik] kata boleh *lah* [tabiat] *nak* [hendak] cuba *Uncle* [pakcik] sebenarnya *takde*

[tiada] minat *kan_ _* [tabiat]. Dia- apa- dia bagi alamat untuk *Uncle* [pakcik] pergi ke studio untuk- untuk di apa skrin *test* [uji] dan *Uncle* [pakcik] kata *ok* [baiklah] *lah* [tabiat]. *Uncle* [pakcik] cuba *lah_* [tabiat] Esok paginya *Uncle* [pakcik] pergi *lah-* [tabiat] *Uncle* [pakcik] pergi hari itu *lah* [tabiat]. *Uncle* [pakcik] terus dapat tidak di skrin *test* [uji] pun dia tengok *Uncle* [pakcik] macam *tu* [itu] “*Ok* [baiklah] boleh berlakon boleh jadi pelakon *ni* [ini] boleh jadi *hero* [watak utama lelaki] *ni* [ini]”. Dia kata macam *tu* [itu] *lah* [tabiat]. *So* [jadi], *Uncle* [pakcik] takut *lah* [tabiat]. *Uncle* [pakcik] masa *tu* [itu] tapi cekalkan hati kerana *nak* [hendak] mencuba, *nak* [hendak] mencuba sesuatu yang baru *kan-* [tabiat].

NA : ***Ok* [baiklah], pada umur berapakah *Uncle* [pakcik] mula terjebak dalam bidang lakonan ini?**

MK : Pada umur- berapa ya? Kalau macam *tu* [itu] kena tolak *lah-* [tabiat] sekarang *dah* [sudah] *lima puluh tiga* [53] tolak *dua puluh sembilan* [29], cuba tolak (ketawa).

NA : **(mengira) *Dua puluh empat* [24]?**

MK : *Dua puluh empat* [24]? Betul ke?

NA : **Umur *Uncle* [pakcik] sekarang *ni* [ini] *lima puluh tiga* [53]? *Lima puluh tiga* [53] tolak *dua puluh sembilan* [29] tahun (mengira), *dua puluh lima tahun* [25] (ketawa).**

MK : *Dua puluh lima* [25], masa *tu* [itu] umur *dua puluh lima* [25].

NA : ***Ok*** [baiklah], apakah drama pertama yang *Uncle* [pakcik] telah lakonkan?

MK : Drama pertama *Uncle* [pakcik] yang *Uncle* [pakcik] ingat dengan pengarahnya arwah Ed Osmera. Drama bertajuk- “Sireh Pulang Ke Ganggang”. Itu drama pertama *Uncle* [pakcik], drama episod_ betul *lah* [tabiat] drama *tu* [itu], “Sireh Pulang Ke Ganggang” drama- dalam- *lima* [5] episod ke *enam* [6] episod macam *tu* [itu] *lah* [tabiat].

NA : **Pada tahun berapa** *tu* [itu] *Uncle* [pakcik]?

MK : *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] ingat *dah-* [sudah] tahun berapa (ketawa). Drama pertama pun pada tahun ya masa umur *Uncle* [pakcik] *dua puluh lima* [25] *dua puluh enam* [26] tahun begitu *lah* [tabiat].

NA : ***Ok*** [baiklah], jumlah drama yang *Uncle* [pakcik] telah lakonkan?

MK : Hingga sekarang jumlah drama yang *Uncle* [pakcik] lakonkan- *Uncle* [pakcik] rasa dalam *empat ratus* [400] lebih *lah-* [tabiat] *empat ratus* [400] drama, *lima ratus* [500] drama *dah* [sudah] *kot-* [tidak pasti] banyak sangat sebab dalam *satu* [1] masa *Uncle* [pakcik] buat *dua* [2], kadang buat *tiga* [3] dalam satu-satu masa.

NA : **Bagaimana pula dengan filem yang *Uncle* [pakcik] telah lakonkan? Jumlah filem?**

MK : Jumlah filem pun *dah* [sudah] banyak. Rasa- *empat puluh* [40], *lima puluh* [50] filem *dah* [sudah] *Uncle* [pakcik] buat. Filem apa filem kalau dulu masa ya *lah* [tabiat] masa *hero* [watak utama lelaki] *lah* [tabiat] katakan dulu- ada *lah* [tabiat] filem-filem Indonesia, buat di Indonesia, filem Taiwan, filem Hong Kong selain daripada filem kita sendiri *lah* [tabiat].

NA : ***Ok* [baiklah], apakah kenangan manis *Uncle* [pakcik] ketika berkecimpung dalam bidang seni lakonan?**

MK : Kenangan manis? Kalau kira bidang *ni* [ini] semuanya manis *takde* [tiada] *tak* [tidak] manis (ketawa). Manisnya bila kita- jumpa sesuatu yang baru, sesuatu yang baru, sesuatu yang membuat kita suka, sesuatu yang membuat kita- apa-seronok, itu *lah* [tabiat] yang manisnya-

NA : **Bagaimana pula dengan kenangan pahit? Memang *takde* [tiada] ke macam mana?**

MK : Kalau kita *dah* [sudah] suka pada sesuatu itu, kerja kita yang pahit pun jadi manis *lah* [tabiat] jadi kenangan, jadi sejarah. Pahit? Yang pahit *takde* [tiada] *kot* [tidak pasti] cuma ada *lah* [tabiat] berlaku insiden-insiden yang ada *lah* [tabiat] cedera sikit masa dalam buat aksi, apa- aksi- lasak- aksi pergaduhan, itupun bukan di kira pahit, itu di kira seronok. Ia menjadi kenangan, menjadi tanda-tanda yang *Uncle* [pakcik] *ni* [ini] melakukan sesuatu yang jarang orang buat-

NA : **Ok [baiklah], siapakah teman rapat *Uncle* [pakcik] dalam bidang seni?**

MK : Dalam bidang seni, *Uncle* [pakcik] cuba untuk rapat dengan pengarah-pengarahnya untuk *Uncle* [pakcik] belajar cara-cara pengarahannya, ya *lah* [tabiat] untuk mengetahui lebih mendalam dalam bidang seni lakon ini dan juga masa *tu* [itu] dengan penerbit-penerbitnya untuk *Uncle* [pakcik] belajar untuk mengetahui selok-belok untuk menerbitkan drama, macam mana masalah apa *ni*- [ini] modalnya- masalah *management* [pengurusan] nya untuk (bunyi kanak-kanak menangis) melahirkan sesebuah drama, masalah dengan stesen *tv* [televisyen] nya-

NA : **Nama? Nama pengarah yang *Uncle* [pakcik] rapat *tu* [itu] lah?**

MK : Kalau *nak* [hendak] kira dari dulu sampai sekarang memang beratus pengarah *lah* _ _ _ [tabiat] kalau dari dulu kalau pengarah yang lama-lama masa *tu*- [itu] salah seorang pengarah yang mula-mula filem yang *Uncle* [pakcik] berlakon ialah filem “Dendang Remaja” pengarahnya Johari Ibrahim, seorang *Editor* [penggubah] yang mendapat anugerah *Editor* [penggubah] Terbaik untuk filem-filem P Ramlee, arwah Tan Sri P Ramlee iaitu Johari Ibrahim, dia mendapat banyak anugerah untuk- - - apa *ni* [ini] filem-filem Tan Sri P Ramlee, dia sebagai *editor* [penggubah] nya-

NA : **Ok [baiklah], apakah halangan atau cabaran yang telah *Uncle* [pakcik] hadapi dalam mengukir nama dipersada seni lakonan?**

MK : Halangan? Halangan- macam *ni* [ini] *lah* [tabiat], *Uncle* [pakcik], fikir halangan

itu tidak di kira halangan kalau kita betul-betul berusaha, kalau kita betul-betul *nakkan* [hendakkan] sesuatu- *nak* [hendak] mencari sesuatu kita usaha apa saja halangan kita, kita akan dapat mengatasinya. Halangan *tu* [itu] macam-macam dalam kehidupan kita *ni* [ini] *kan* [tabiat] Dalam segenap karier segenap apa sahaja halangan itu akan tetap ada dalam perjalanan hidup kita manusia *ni* [ini] tapi pada *Uncle* [pakcik] dia tidak menjadi halangan kalau kita- berusaha keras- dia bukan halangan *lah* [tabiat].

NA : __ halangan yang *Uncle* [pakcik] telah hadapi yang rasanya tinggi *lah* [tabiat] halangan *tu* [itu] macam susah *lah* [tabiat] halangan *tu* [itu]?

MK : Halangan? *Uncle* [pakcik] rasa *takde* [tiada] halangan *lah* [tabiat] walaupun ada *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] fikir halangan, *Uncle* [pakcik] fikir rezeki- *Uncle* [pakcik] fikir macam *tu* [itu] *Uncle* [pakcik] fikir kalau *dah* [sudah] rezeki aku, dia akan datang pada aku- Insya Allah- dan kalau *dah* [sudah] bukan rezeki aku halangan macam mana sekalipun dia tidak akan menjadi rezeki aku, ada halangan ke *takde* [tiada] ke, dia *takkan* [tidak akan] jadi-

NA : *Ok* [baiklah], adakah *Uncle* [pakcik] akrab dengan mana-mana artis yang lain?

MK : Akrab kita- dalam hubungan sesama artis *ni* [ini] memang kita akrab semasa di lokasi semasa kita bersama untuk- me- - - apa *ni*- [ini] melakonkan adegan-adegan berlakon. Lakon-lakonan dalam sesuatu cerita, sesuatu drama, sesuatu filem memang kita akrab *lah* [tabiat] untuk membawa kepada- apa *ni* [ini]

keserasian kita dalam lakonan, kita akrab masa itu dan lepas itu kita *tak* [tidak] jumpa, jarang jumpa *lah* [tabiat], kalau jumpa pun ada anugerah, masa anugerah, masa *function* [majlis] *lah* [tabiat] kita akan jumpa balik *pasal* [sebab] ramai sangat pelakon *ni* [ini] ramai sangat sekarang-

NA : *Ok* [baiklah], seterusnya siapakah yang banyak membantu *Uncle* [pakcik] dalam bidang lakonan ini?

MK : Kalau dulu yang membantu *Uncle* [pakcik] dalam bidang lakonan ini ialah *Uncle* [pakcik] sendiri *lah-* [tabiat] *Uncle* [pakcik] usaha sendiri dan ada *lah* [tabiat] yang membantu- pengarah-pengarah *tu* [itu] *lah* [tabiat] yang *Uncle* [pakcik] bertanya- suruh tanya *pasal* [sebab] selalunya *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] bertanya, *Uncle* [pakcik] mendengar- *Uncle* [pakcik] dengar- *Uncle* [pakcik] tengok- dan *Uncle* [pakcik] belajar dengan sendiri.

NA : *Ok* [baiklah], siapakah artis yang selalu digandingkan dengan *Uncle* [pakcik]?

MK : Selalu *tak* [tidak] ada yang selalunya. Selalunya akan bertukar- akan bertukar, hari *ni* [ini] apa *ni* [ini] untuk filem *ni* [ini] orang *ni* [ini], untuk filem- lagi *satu* [1] orang lain pula, untuk filem *ni* [ini] orang lain pula. Orang_ *takde* [tiada] *lah* selalu, selalu macam *tu* [itu].

NA : Apakah filem yang paling *Uncle* [pakcik] puas hati dengan tahap lakonan *Uncle* [pakcik] atau filem yang paling *Uncle* [pakcik] seronok bila

melakonkannya?

MK : Filem yang paling *Uncle*- [pakcik] lekat dalam hati sampai sekarang *ni* [ini] iaitu filem “Fantasia”- Tengok *tak* [tidak]? *Tak* [tidak] tengok *ni*- [ini] *tak* [tidak] tengok *ni* [ini] (ketawa). Itu filem lama, pengarahnya Aziz M Osman-*production* [produksi filem] dia Teletrade, arwah Zain Mahmud iaitu bekas pengarah- RTM [Radio Televisyen Malaysia]. Sebab apa *Uncle* [pakcik] kata dia masih lekat dalam hati *Uncle* [pakcik] kerana dalam filem *tu* [itu] *Uncle* [pakcik] berlakon sebagai Silbi- Silbi kalau diterbalikkan- kalau kita eja dia S.I.L.B.I (mengeja), Aziz *ni* [ini] dia pandai, Aziz M Osman *ni* [ini]. Terbalikkan Silbi jadi iblis (mengeja). Jadi watak *Uncle* [pakcik] sebagai Silbi dalam cerita *tu* [itu] ialah iblis. *Uncle* [pakcik] *ni* [ini] iblis dalam cerita *tu* [itu], *Uncle* [pakcik] hidup *ni* [ini] *Uncle* [pakcik] dari zaman dahulu kala dari zaman purba sampai ke moden *Uncle* [pakcik] masih hidup lagi, kata- Orang Putih kata *immortal* [kebal] tidak mati dengan ada *lah* [tabiat] perkara-perkara yang *Uncle* [pakcik] kena buat untuk *nak* [hendak] mengekalkan daripada kedut-kedut tua *ni* [ini]. *Nak* [hendak] jadi muda balik- dan *Uncle* [pakcik] dalam cerita *tu* [itu], satu filem itu *Uncle* [pakcik] cuma ada *satu* [1] dialog saja- dan yang lainnya untuk memainkan apa *ni* [ini] ekspresi muka sahaja, untuk *satu* [1] filem *tu* [itu], dialog *satu* [1] sahaja iaitu “Cium kasut aku”, itu saja untuk *satu* [1] filem (ketawa). *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] pernah jumpa macam *tu* [itu] *tak* [tidak] pernah dapat watak macam *tu* [itu] jadi *Uncle*- [pakcik] itulah yang masih terlekat yang *Uncle* [pakcik], *Uncle* [pakcik] seronok sangat berlakon dalam filem “Fantasia”.

NA : **Pernah tak [tidak] berlaku perkara yang tidak diingini semasa di set penggambaran?**

MK : Ada *lah* [tabiat] pernah- pernah sekali semasa di Indonesia apa berlakon dengan- - - tajuk dia- “Pertarungan di Gua Siluman”. *Uncle* [pakcik] dulu *ni* [ini] sebagai boleh dikatakan hero [watak utama lelaki] filem-filem lasak *lah* [tabiat], filem-filem kalau Indonesia dia kata *berantam* [bergaduh] filem gaduh-gaduh *ni* [ini] *lah*- [tabiat]. Ada *satu* [1] babak *tu* [itu] dalam filem “Pertarungan di Gua Siluman” kita lokasinya di dalam gua di Jogjakarta. *Uncle* [pakcik] masih ingat lagi, masa *tu* [itu] *Uncle* [pakcik] bertarung *Uncle* [pakcik] melawan- apa *ni*- [ini] lawan dengan *instructor* [pengajar] taekwando untuk askar Indonesia nama dia Robert Santosa dan *Uncle* [pakcik] diganding untuk berlawan dengan dia dan dia *ni* [ini] memang- bagus sangat *lah* dalam *art* [seni] mempertahankan diri- ada *satu* [1] ketika dahulu *tu* [itu] saya berlawan-lawan, lawan *Uncle*- [pakcik] tersilap, *Uncle*- [pakcik] silap *Uncle* [pakcik] *lah* [tabiat] jadi *Uncle* [pakcik] terkena di rusuk *Uncle* [pakcik], rusuk *Uncle* [pakcik] patah. Masa *tu* [itu] *lah* [tabiat] tengah berlawan jadi- itu tidak disengajakan- itu *lah* [tabiat] yang *Uncle* [pakcik] rasa antara yang perkara-perkara tidak diingini berlaku.

NA : **Berapa lama masa yang diambil oleh *Uncle* [pakcik] untuk menghafal skrip lakonan yang diberi?**

MK : Kalau dulu? Dulu-[dahulu] *Uncle* [pakcik] rasa dalam- *lima belas* [15] tahun lepas_ _ (bunyi haiwan peliharaan) ataupun mula-mula berlakon dulu *Uncle*- [pakcik] mula-mula *tu* [itu] agak susah *Uncle* [pakcik] *nak* [hendak] apa *ni* [ini]

ingatkan *nak* [hendak] hafalkan dialog itu- makin lama *Uncle*- [pakcik] rasa senang, dalam *satu* [1] *A4* [kertas kosong] *tu* [itu] kata *lah* [tabiat] dialog semua *kat* [dekat] situ bagi *Uncle* [pakcik] dalam- *sepuluh* [10] minit. *Uncle* [pakcik] boleh ingat semua- Sekejap, cuma dia ada *trick* [taktik] dia ada cara dia untuk kita *nak* [hendak] ingat- tapi masing-masing *lah* [tabiat], orang *ni* [ini] macam *ni* [ini] cara dia untuk *nak* [hendak] ingat dialog, orang *ni* [ini] cara macam *ni*- [ini] tapi *Uncle* [pakcik] ada cara *Uncle* [pakcik] sendiri-

NA : Boleh kongsi dengan kami *tak* [tidak]?

MK : Kalau cara *Uncle* [pakcik] untuk ingat dialog *tu* [itu] *Uncle*- [pakcik] boleh buat semasa *Uncle* [pakcik] *duk* [duduk] belajar sekolah dulu, *Uncle* [pakcik] rasa *Uncle* [pakcik] adalah antara pelajar yang terbaik *lah* [tabiat] pada masa *tu* [itu] (ketawa). Tapi tidak macam *tu* [itu], untuk bidang lakonan sahaja. *Uncle*- [pakcik] dialog, apa *ni* [ini] skrip, *Uncle* [pakcik] tengok *Uncle* [pakcik] *go through* [sepintas lalu], *Uncle* [pakcik] tengok mesej-mesej yang *nak* [hendak] disampaikan- baca dulu sekali, *go through* [sepintas lalu] sekali. Lepas *tu* [itu] cari *point-point* [isi-isi] dia, mesej, mesej-mesej yang kita *nak* [hendak] sampaikan- ingat itu saja lah- lepas *tu* [itu] kita boleh *throw* [buang], kita boleh baling dialog kita *tu*- [itu]

NA : *Ok* [baiklah], pelakon lelaki manakah yang paling *Uncle* [pakcik] senang bekerjasama?

MK : *Uncle* [pakcik] *ni* [ini] jenis *tak* [tidak] kisah- *Uncle* [pakcik] senang

bekerjasama dengan sesiapa pun. *Uncle* [pakcik] mudah- mudah bergaul dengan orang- dan mungkin orang *tu-* [itu] mungkin orang lain pun senang bekerja dengan *Uncle* [pakcik] dan *Uncle* [pakcik] rasa yang itu tidak ada masalah pada *Uncle* [pakcik] janji- kita ikhlas *nak* [hendak] buat kerja, kita jujur *nak* [hendak] buat kerja- dan orang pun akan senang dengan kita *lah* [tabiat], kita jangan menyusahkan orang, itu saja.

NA : Apakah peristiwa yang paling *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] dapat lupakan seumur hidup *Uncle* [pakcik]?

MK : Seumur hidup ini, tidak termasuk dalam bidang lakonan *aje* [sahaja] *lah* [tabiat] *ni* [ini]? (sambil mengangguk). Peristiwa yang *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] boleh lupa- peristiwa kematian arwah anak *Uncle* [pakcik] sendiri *lah* [tabiat]. Itu *lah* [tabiat] yang *Uncle* [pakcik] sangat-sangat *tak* [tidak] boleh dapat lupakan. Sebab ialah *Uncle* [pakcik] *ni* [ini] sebagai orang tua, sebagai ayah, dalam hati *Uncle* [pakcik] biar *lah* [tabiat] ayah yang pergi dulu. Anak *ni* [ini] banyak masa lagi untuk hidup, untuk beramal *kan* [tabiat]? Itulah- yang *tak* [tidak] boleh *Uncle* [pakcik] lupa.

NA : *Ok* [baiklah]. Pernah ke- *Uncle* [pakcik] merasa ingin berehat sementara dalam bidang lakonan?

MK : Sekarang *ni* [ini] *Uncle* [pakcik] memang rasa *nak* [hendak] berehat. *Nak* [hendak] berehat terus dan *Uncle* [pakcik] *dah* [sudah] penat. Dan dengan peringkat umur *Uncle* [pakcik] sekarang *ni* [ini] *dah* [sudah] *lima puluh tiga*

[53] untuk *nak* [hendak] bekerja sampai pukul *tiga* [3], *empat* [4] pagi *tu* [itu], *Uncle* [pakcik] rasa *dah* [sudah] macam- *tak* [tidak] larat. Bukan macam *Uncle* [pakcik] masa muda-muda dulu. Kalau boleh *Uncle* [pakcik] *nak* [hendak] berhenti *dah* [sudah]. Tapi stesen *tv* [televisyen] masih perlukan *Uncle* [pakcik]. Produksi-produksi masih *nak* [hendak] *kat* [dekat] *Uncle* [pakcik]. *Dia orang* [mereka] panggil lagi- *dia orang* [mereka] bagi watak lagi. Sampai sekarang. Tapi *Uncle* [pakcik] *nak* [hendak] ingatkan bukan senang kita *nak* [hendak] kekal, *nak* [hendak] kekal sampai ya *lah* [tabiat] dalam *dua puluh lapan* [28] tahun, *dua puluh sembilan* [29] tahun sekarang *ni* [ini]. Bukan senang kita *nak* [hendak] kekal. Ada pelakon sampai- yang *dua* [2] tahun hilang, *tiga* [3] tahun hilang, *empat* [4] tahun hilang, *setahun* [1] berlakon sikit-sikit hilang. Ada *jugak* [juga]. Untuk mengekalkan kita dalam apa-apa bidang- yang terbaiknya *lah* [tabiat] kita ada disiplin *lah* [tabiat].

NA : Adakah- *Uncle* [pakcik] berminat dalam bidang nyanyian?

MK : (ketawa) Minat dalam bidang nyanyian? (mengangguk) Minat *tu* [itu] minat *lah* [tabiat]. *Uncle* [pakcik] masa sebelum berlakon lagi *Uncle* [pakcik] ada kumpulan muzik, *Uncle* [pakcik] ada *band* [kumpulan] *Uncle* [pakcik] sendiri iaitu, *Shock Wave* [nama kumpulan]. Nama kumpulan *tu* [itu], dan kami- *Shock Wave* [nama kumpulan] *ni* [ini] ada banyak main di- kenduri-kenduri kahwin, di Kelantan, *dia orang* [mereka] panggil *kita orang* [kami] main, nyanyi *kat* [dekat] sana. Kalau nyanyi dengan main muzik, *Uncle* [pakcik] lebih suka main

muzik. Tapi- *Uncle* [pakcik] fikir, apa *ni* [ini], *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] ada kelebihan dalam bidang *tu* [itu], *Uncle* [pakcik] tidak ada sesuatu yang istimewa dalam bidang- nyanyian dan main muzik. *Uncle* [pakcik] tidak boleh menandingi orang lain yang di depan *Uncle* [pakcik] yang- *Uncle* [pakcik] tengok “Wah dia *ni* [ini] lebih baik”. *Uncle* [pakcik] cuba-cuba tapi dia lagi baik. *Uncle* [pakcik] pun tukar kepada bidang lain. Itu yang jumpa bidang lakonan *tu* [itu] (bunyi jam berdetik)

NA : Jika diberi peluang untuk memilih, siapakah pelakon lelaki dan perempuan yang *Uncle* [pakcik] ingin pilih untuk digandingkan bersama?

MK : *Ni* [ini] pelakon apa *ni* [ini] pelakon lelaki ke, pelakon perempuan ke *Uncle*-[pakcik] *tak* [tidak] kisah. Sebab kalau bagi peluang pun *Uncle* [pakcik] kira-untuk digandingkan dengan seseorang itu, *Uncle* [pakcik] kira, biarlah dia- yang sesuai dengan watak *tu* [itu]. Sesuai dengan watak yang ada dalam skrip *tu* [itu]. Watak garang dia ke, watak *control* [kawal] suami ke, watak setia pada suami ke, watak menghormati suami ke, watak apa, *betrayed* [khianat] suami ke- biar dia *tu* [itu] sesuai, *Uncle* [pakcik] *tak* [tidak] kisah, janji dia sesuai, dan dia tahu bawa watak dia. *Uncle* [pakcik] rasa *tu* [itu] pun *dah* [sudah] cukup.

NA : *Ok* [baiklah]. Umur berapakah *Uncle* [pakcik] ingin berhenti dari bidang- seni?

MK : (ketawa) Seni *ni* [ini] ialah suatu kerja yang tidak ada- *limit* [had]. Seni tulis, seni lakon, seni nyanyi, semua *tu* [itu] *tak* [tidak] ada limit [had]. *Tak* [tidak]

macam kerja lain. Sebab itu- orang kata “*Entertainment Business Is The Best*” [perniagaan hiburan adalah yang terbaik]. Bisnes dalam dunia *ni* [ini] yang terbaik dalam dunia *ni* [ini], *pasal* [sebab] dia tidak ada habisnya. Tengok *lah* [tabiat] Dato’ Aziz Saatar, umur dia berapa sekarang, masih berlakon lagi. Dari umur kecil [kecil], umur dari apa umur *setahun* [1], umur *dua* [2] tahun, umur *tiga* [3] tahun, *dah* [sudah] boleh berlakon *dah* [sudah]. Maknanya *tak-* [tidak] ada *limit* [had] umur dia. Itu kelebihan dia.

NA : Maksud *Uncle* [pakcik] selagi produksi *nak* [hendak] *kat* [dekat] *Uncle* [pakcik], *Uncle* [pakcik] pergi *lah* [tabiat]?

